

# Malaysia dilantik Pengerusi baru NAM

PUTRAJAYA 2 Mei — Malaysia dilantik sebagai Pengerusi baru Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) pada mesyuarat Menteri-Menteri Luar di Afrika Selatan, Isnin lalu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, pelantikan itu dibuat selepas 114 negara yang menganggotai NAM sebulat suara bersetuju memilih Malaysia sebagai pengerusi menggantikan Afrika Selatan.

Dengan pelantikan itu, kata beliau, Malaysia akan mempengerusikan pergerakan itu selama tiga tahun bermula tahun depan hingga 2006.

“Dengan pemilihan itu, Malaysia akan menjadi tuan rumah dalam sidang kemuncak NAM yang akan diadakan di negara ini, Februari depan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua pengarang media di Wisma Putra di sini hari ini.

NAM merupakan sebuah pertubuhan antarabangsa yang dianggotai

tirafan anggota NAM terhadap pucuk pimpinan kita, Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad,” katanya.

Perdana Menteri, kata beliau, akan memainkan peranan penting dalam memperjuangkan masalah negara-negara membangun terutama berhubung soal politik, ekonomi dan sosial.

Malaysia, katanya, akan menjadi suara kepada negara-negara membangun untuk memperjuangkan kedudukannya di peringkat antarabangsa.

Selain itu, tambahnya, pemilihan Malaysia dibuat berdasarkan kemampuan negara ini menganjurkan persidangan-persidangan di peringkat antarabangsa.

“Persidangan NAM ini dianggap antara sidang kemuncak terbesar kerana akan dihadiri oleh 114 ketua-ketua kerajaan dan negara membangun,” jelasnya.

negara-negara membangun berkecuali terutama dari Asia, Afrika dan Eropah.

Sebanyak 114 daripada 189 anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) merupakan anggota NAM.

Syed Hamid berkata, persetujuan sebulat suara itu dibuat selepas anggota NAM mengambil kira kepayaan Malaysia memimpin negara-negara membangun.

“Ia adalah satu pengik-